



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**MAJLIS PELANCARAN DASAR PERPADUAN NEGARA DAN
RANGKA TINDAKAN (BLUEPRINT) PERPADUAN NEGARA
2021-2030**

PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN

Putrajaya, 15 Februari 2021 – Majlis Pelancaran Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada hari ini secara maya. Buat julung kalinya, Dasar Perpaduan Negara telah dibangunkan oleh Kementerian Perpaduan Negara yang merupakan dasar payung yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat. Konsep perpaduan yang diketengahkan adalah “**Perpaduan dalam Kepelbagaian**” bagi melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini. Dasar ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Januari 2021.

2. Pelbagai pihak telah dilibatkan dalam proses pembangunan Dasar Perpaduan Negara ini termasuk agensi Kerajaan, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), ahli akademik, pakar perpaduan serta jentera perpaduan sehingga di peringkat akar umbi seperti Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN).

3. Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 pula merupakan dokumen yang menggariskan anjakan strategik dan inisiatif terancang yang diperincikan untuk mencapai aspirasi perpaduan negara sepuluh tahun akan datang. *Blueprint* ini disusun seiring Dasar Perpaduan Negara dan ianya memperjelaskan dengan lebih komprehensif strategi pelaksanaan serta sasaran yang hendak dicapai.

4. Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara merupakan tunjang kepada Dasar Perpaduan Negara dan *Blueprint* 2021-2030. Kedua-dua dokumen ini merupakan dokumen rasmi Kerajaan yang penting untuk dijadikan panduan kepada semua pihak; tidak kira Kementerian dan Agensi Kerajaan, sektor swasta, NGO dan masyarakat sivil serta seluruh rakyat Malaysia agar semua dapat memainkan peranan masing-masing dalam menyemarakkan semangat perpaduan dan membudayakan perpaduan dalam kepelbagaian.

Dokumen dasar ini boleh diperolehi di laman web Kementerian Perpaduan Negara di <https://www.perpaduan.gov.my/>

Kementerian Perpaduan Negara

15 Februari 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (51)